**MODUL PINTAS**

**TINGKATAN 5** **1103/2**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**$2\frac{1}{2}$ jam** **Dua jam tiga puluh minit**

# PERATURAN PEMARKAHAN

# BAHASA MELAYU K2

# 1103/2



Diimbas dengan CamScanner

**MARKAH PENUH : 100 MARKAH**

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh 35 markah dan dibahagi kepada

**Soalan 1 : 8 markah**
**Soalan 2 : 6 markah**
**Soalan 3 : 11 markah**
**Soalan 4 : 4 markah**
**Soalan 5 : 6 markah**

**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata majmuk yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata majmuk tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Sengaja menambah, menggugurkan atau menukar imbuhan pada kata majmuk, berikan 0 markah.
8. Kata digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.

**Soalan 1 – Morfologi**

**(i) tanggungjawab**
kewajiban yang dipikul oleh seseorang, segala yang wajib ditanggung

**(ii) modal insan**
modal yang ada pada seseorang insan seperti ilmu pengetahuan, kekuatan fizikal, mental dan rohani.

**(iii) kata putus**
keputusan atau kepastian yang diambil tentang sesuatu perkara penting

**(iv) menara gading**
pusat pengajian tinggi

**(v) urus niaga**
urusan atau perbuatan menjual dan membeli barangan dan perkhidmatan

**(vi) antarabangsa**
melibatkan dua atau lebih negara

**[Maksimum: 8 markah]**



Diimbas dengan CamScanner

**Soalan 2 – Sintaksis**

| | | |
|---|---|---|
| (i) | Kita tidak dapat menafikan bahawa remaja merupakan golongan yang paling mudah menguasai aliran teknologi seperti aplikasi TikTok. | 2 |
| (ii) | Ahli akademik, pengamal perubatan dan pempengaruh turut memanfaatkan aplikasi TikTok untuk menyampaikan maklumat yang berguna. | 2 |
| (iii) | Kita tentu tidak membayangkan perubahan mendadak ini sedekad yang lalu. | 2 |

**[Maksimum: 6 markah]**

**Soalan 3 – Penyuntingan**

**Bahan 1**

| | | |
|---|---|---|
| (i) | menghadkan | - mengehadkan |
| (ii) | telor | - telur |
| (iii) | lain-lain bijirin | - bijirin-bijirin lain |
| (iv) | berasaskan pada | - berasas pada/ berasaskan |
| (v) | melebihi daripada | - melebihi |

**[Maksimum: 5 markah]**

**Bahan 2**

| | | |
|---|---|---|
| (i) | perubahan-perubahan | - perubahan |
| (ii) | adalah | - ialah |
| (iii) | mee | - mi |
| (iv) | menghalau | - melawan |
| (v) | menekankan tentang | - menekankan |
| (vi) | berharap | - diharapkan |
| (vii) | diabetis | - diabetes |

**[Maksimum: 6 markah; mana-mana 6 daripada 7]**



Diimbas dengan CamScanner

**Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi soalan 4.**

| Deskripsi | MARKAH |
|---|---|
| Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis | 4 |
| Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis | 3 |
| Isi cukup dan lengkap, ayat mengikut urutan dan ayat kurang gramatis | 2 |
| Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis | |
| Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis | 1 |
| Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis | 1 |
| Ayat disalin bulat-bulat | 0 |
| Isi tidak mengikut urutan | |

**Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard**

Bendahara Paduka Raja mengarahkan semua pokok kayu bakau dan nyirih serta tumpu api-api itu ditambat/diikat dengan puntung api. Setelah dipandang/dilihat oleh orang Siam api tidak terbilang/terhitung/terkira banyaknya, hulubalang Siam berkata, "Sungguh banyak kelengkapan perahu Melaka ini sehingga tidak terbilang/terhitung/terkira lagi. Jika perahu Melaka/mereka/orang Melaka datang kepada kita apakah hal/nasib kita? Sedangkan sebuah perahunya tadi pun tidak terlawan oleh kita."

**[Maksimum: 4 markah]**

**Soalan 5 – Peribahasa**

| Peribahasa | Maksud |
|---|---|
| janji manis | Pernyataan kesediaan untuk berbuat atau memberi sesuatu |
| seperti lilin membakar diri menerangi orang lain | Berkorban untuk kepentingan orang lain |
| sudah jatuh ditimpa tangga | Berturut-turut mendapat kesusahan |
| yang dikejar tak dapat yang dikendong berciciran | Keuntungan yang diharapkan tidak dapat sedangkan yang telah ada hilang pula |

**[Maksimum: 6 markah]**



Diimbas dengan CamScanner

## BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6:**13** markah

Soalan 7:**12** markah

Soalan 8:**10** markah

**Perhatian bagi soalan 6,7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan pemarkahan soalan pemahaman**

**1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat gramatis | 2 |
| Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat tidak gramatis | 1 |
| Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup | 1 |
| Jawapan salah | 0 |

**2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugasan/ayat gramatis | 3 |
| Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugasan/ayat *kurang* gramatis | 2 |
| Isi **tidak** cukup/menyentuh semua bahan/ayat gramatis | 2 |
| Isi **tidak** cukup/tidak menyentuh semua bahan | 1 |
| Jawapan salah | 0 |

**3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel**

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| Isi cukup (3 isi) /relevan dengan tugasan/ayat gramatis | 4 |
| Isi cukup (3 isi)/relevan dengan tugasan/ayat *kurang* gramatis | 3 |
| Isi **tidak** cukup (2 isi)/ayat gramatis | 3 |



Diimbas dengan CamScanner

| | |
|---|---|
| Isi tidak cukup (2 isi)/ayat *kurang* gramatis | 2 |
| Isi tidak cukup (1 isi)/ayat gramatis | 2 |
| Isi tidak cukup (1 isi)/ayat *kurang* gramatis | 1 |
| Jawapan salah | 0 |

**Soalan 6**

i) **Maksud** rangkai kata *mencapai impak* ( Bahan 1 )

P1 menghasilkan/ mendatangkan/ memperoleh/ membawa kesan/ implikasi/ dampak 2

P2 mencapai kesan/implikasi/dampak 1

P3 menghasilkan/mendatangkan/memperoleh/ membawa impak 1

**[Maksimum : 2 markah]**

ii) **Kesan buruk**

**Bahan 1**

P1 boleh membawa maut

P2 meningkatkan risiko kematian

**Bahan 2**

P1 masalah kesihatan mental

P2 kehilangan kekuatan dan ketahanan otot

P3 sistem imun mereka tidak berfungsi dengan baiknya

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup 2 isi]**

iii) **Langkah-langkah**

P1 membawa anak-anak beriadah pada setiap hujung minggu

P2 menunjukkan contoh yang baik/ menjadi suri teladan kepada anak-anak

P3 memastikan anak-anak mengamalkan makanan seimbang

P4 membelikan anak-anak peralatan bersukan

P5 menasihati/ memberikan motivasi tentang amalan gaya hidup sihat/menggalakkan anak-anak bersukan

P6 membelikan anak-anak bahan bacaan berkaitan amalan gaya hidup sihat

**(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup 2 isi]**

iv) **Tindakan-tindakan**

P1 berjumpa dengan kaunselor/ mendapatkan bantuan profesional daripada pegawai kesihatan/ doktor

P2 mengajak rakan melakukan aktiviti yang disukai/ bersukan/beriadah

P3 menjadi pendengar setia kepada rakan anda/ menasihati rakan



Diimbas dengan CamScanner

P4 memberitahu masalah rakan kepada ahli keluarga rakan/ menghubungi ahli keluarga rakan

P5 membawa rakan ke rumah ibadat/ membanyakkan amalan beribadat/ berdoa

**(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup 3 isi]**

**Soalan 7**

i) Ciri kepimpinan Ahmad Mutawakkil

P1 setiap kata dan tindak-tanduk Ahmad Mutawakkil sangat berpengaruh

P2 dia dihormati di kampungnya sendiri

P3 dia juga disegani di seluruh daerah

P4 dia terpilih sebagai antara orang kuatnya

**[Maksimum : 2 markah]**

**[Isi cukup 2 isi]**

ii) Pengorbanan pahlawan negara kepada negara kita.

**Bahan 1**

P1 Ahmad Mutawakkil berjuang menentang Inggeris

**Bahan 2**

P1 hilangmu tanpa pusara

P2 pusaramu tanpa nama

P3 namamu tanpa bunga

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup 2 isi]**

iii) Langkah-langkah yang diambil bagi menghargai jasa pahlawan negara kita

P1 menyertai sambutan Hari Pahlawan

P2 pihak kerajaan/pihak swasta/ badan bukan kerajaan menjaga kebajikan keluarga para pahlawan

P3 menerbitkan filem/ drama/ dokumentari tentang para pahlawan

P4 memperbanyak bahan bacaan tentang para pahlawan

P5 menyediakan sudut/ galeri tentang para pahlawan/ tugu negara/ monumen

**(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup 2 isi]**

iv) Tindakan-tindakan

P1 menasihati/ memujuk/ memberikan motivasi/ kata-kata semangat



Diimbas dengan CamScanner

P2 memaklumkan hadiah-hadiah/ ganjaran menarik/ sijil/ markah PAJSK/ SSDM
P3 menyediakan bahan/ peralatanP4 mendapatkan bantuan/ khidmat nasihat daripada guru kelas/ orang yang lebih mahir/ kaunselor
P5 membantu rakan untuk mendapatkan maklumat/ idea /carian daripada media massa/ Internet/ bahan bacaan

**(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**
**[Isi cukup 3 isi]**

**Soalan 8**

i. Alasan-alasan Geetha membawa ibunya mendapatkan kaedah rawatan tradisional

P1 ibunya/ ibu saya lebih percaya akan herba dan kaedah rawatan tradisional berbanding rawatan moden
P2 sebagai anak, saya/Geetha menghormati keputusannya.
P3 datuk awak/saya memang pakar merawat penyakit ibu Geetha
P4 sebelum berjumpa dengan datuk awak, ibu saya bertukar-tukar ubat, akibatnya dia semakin sakit
P5 dia lebih konsisten dalam pengambilan herba

**[Maksimum : 4 markah]**
**[Isi cukup : 3 isi]**

**Panduan pemarkahan bagi soalan 8(ii)**

ii. **Soalan novel: 6 markah**

a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
c) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul
d) Bagi 1 markah bagi huraian yang lengkap/jelas bagi setiap peristiwa
e) Markah isi maksimum 4 markah ( 2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian
f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
   Baik : 2 markah
   Lemah : 1 markah
g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa
h) Calon tidak menjawab 0 markah.

ii. Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan.

**Leftenan Adnan Wira Bangsa**

1. Peristiwa kebijaksanaan Adnan berjaya mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera Punjabi apabila mereka memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Pasir Panjang.

   Huraian: Kebijaksanaan dalam mengatur strategi perang



Diimbas dengan CamScanner

2. Peristiwa kebijaksanaan Leftenan Adnan dan Sarjan Hassan berjumpa Penghulu Sidek bagi membincangkan masalah penduduk yang enggan berpindah kerana mereka tidak mempercayai bahawa tentera Jepun akan menyerang. Mereka tidak berjaya mengajak penduduk kampung berpindah. Oleh itu, mereka memperketat kawalan dan mencadangkan pasukan pengawal kampung.

   Huraian: Kebijaksanaan mencari jalan dalam menyelesaikan sesuatu masalah

3. Peristiwa kebijaksanaan Adnan menjawab dakwaan orang kampung apabila mengatakan bahawa dia bertinju dengan Budin. Adnan telah menunjukkan badannya yang tidak bengkak atau berdarah bagi menyangkal dakwaan tersebut.

   Huraian: Kebijaksanaan menunjukkan bukti bagi menyangkal dakwaan

4. Peristiwa kebijaksanaan Pak Saidi menghantar anaknya, Adnan ke sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan penduduk kampung. Adnan merupakan anak Melayu pertama dari kampungnya yang bersekolah di situ. Walaupun ramai penduduk kampung yang tidak mahu anaknya bersekolah Inggeris kerana kononnya menjadi murtad namun Pak Saidi berfikiran sebaliknya. Dia mahu anak-anaknya menjadi orang yang berpelajaran.

   Huraian: Kebijaksanaan membuat keputusan demi kepentingan pendidikan anak-anak walaupun mendapat tentangan

5. Peristiwa kebijaksanaan Jeneral Yamashita membantah arahan Leftenan Renya Mutuguchi yang mengarahkan tentera mereka berehat dulu pada malam selepas Bukit Candu ditawan. Jeneral Yamashita berpendapat bahawa mereka mesti menawan Alexandra pada malam itu juga kerana baginya dalam peperangan tidak masa untuk berehat.

   Huraian: Kebijaksanaan membuat keputusan dalam peperangan

**Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.**

**Tirani**

1. Peristiwa Waheeda bijak mengembangkan syarikat Tajau Emas milik keluarganya apabila dia mendapatkan pinjaman daripada tabung Usahawan Siswazah Bank Pembangunan. Waheeda berusaha bersama-sama ahli keluarganya untuk memajukan perusahaan pelancongan inap desa tersebut sehingga dikenali oleh pelancong dari dalam dan luar negara.

   Huraian: Kebijaksanaan merancang kewangan untuk memajukan perniagaan



Diimbas dengan CamScanner

2. Peristiwa Waheeda bijak menyembunyikan emosinya apabila dia tersenyum dan mengucapkan terima kasih kepada ibu mentuanya yang membawa jambangan bunga dan kad ucapan daripada Zahid setelah Waheeda bersalin. Ibu mentuanya memberikan alasan bahawa Zahid sibuk mengendalikan konvensyen sedangkan hakikat sebenarnya Zahid tidak menjenguk Waheeda kerana perbalahan antara mereka.

   Huraian: Kebijaksanaan dalam mengawal emosi akibat hubungan suami isteri yang sedang bermasalah.

3. Peristiwa Waheeda bijak mengambil peluang dengan membeli chalet Iwana-Iwani daripada Pak Cik Aziz. Hal ini dikatakan demikian kerana Pak Cik Aziz sudah tidak mampu mengurus chalet tersebut yang berdepan dengan masalah kewangan. Dia berjaya memajukan chalet ini dan telah menukarkan nama chalet tersebut kepada Aya-Sajinah.

   Huraian: Kebijaksanaan mengambil peluang untuk mengembangkan perniagaan.

4. Peristiwa Fadhil bijak menyediakan persembahan hadrah, sebuah irama muzik Melayu pada hari perkahwinan Waheeda sehingga menarik kedatangan pelancong asing.

   Huraian: Kebijaksanaan mengetengahkan persembahan irama tradisional kepada pelancong asing.

5. Peristiwa Datuk Yasser yang bijak menangani masalah apabila dia bersifat tenang dan tidak melatah apabila keluarga Waheeda tiada semasa majlis pertunangannya dengan Zahid sebaliknya bertukar menjadi majlis doa selamat dan majlis pertunangan ringkas antara Ghazi dengan Fatimah.

   Huraian: Kebijaksanaan menyelesaikan masalah untuk mengelakkan hubungan menjadi renggang.

**Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.**



Diimbas dengan CamScanner

**Soalan 9:Rumusan**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

a) Isi maksimum- **20 markah**
b) Bahasa maksimum- **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.
- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan *nombor* atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana

(ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, **selebihnya tidak perlu diperiksa.**

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan betul.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja.

| **Bahagian** | **Bilangan Isi** | **Bilangan isi diterima** | | | | | | | | | | **Markah Maksimum** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| (i)Pendahuluan | | | | | | | | | | | | 2 |
| (ii)Isi Bahan 1 | | | | | | | | | | | | 16 |
| Fokus 1 (kepentingan/kebaikan/faedah/manfaat) | 6 | 4 | 4 | 4 | 3 | 3 | 3 | 2 | 2 | 5 | 4 | |
| Fokus 2 (cara/langkah/usaha) | 3 | 2 | 1 | 1 | 3 | 2 | 2 | 3 | 3 | 1 | 2 | |
| (iii)Isi Bahan 2 | | | | | | | | | | | | |
| Fokus 2 (cara/langkah/usaha) | 2 | 1 | 2 | 2 | 1 | 2 | 2 | 2 | 2 | 1 | 1 | |
| (iv)Isi Bahan 3 | | | | | | | | | | | | |
| Fokus 2 (cara/langkah/usaha) | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | |
| Jumlah Isi | 12 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 | |
| (v)Penutup/Kesimpulan | | | | | | | | | | | | 2 |
| | | | | | | | | | | | Jumlah Markah | 20 |



Diimbas dengan CamScanner

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

| PERINGKAT | MARKAH BAHASA | KRITERIA |
|---|---|---|
| **Cemerlang** | **8-10 markah** | • Kesinambungan ayat *sangat* baik<br>• Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu<br>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat<br>• Pengolahan *sangat* menarik dan berkesan |
| **Baik** | **5-7 markah** | • Kesinambungan ayat baik<br>• Bahasa *masih* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu<br>• Penggunaan kosa kata *masih* luas dan tepat<br>• Pengolahan *masih* menarik dan berkesan |
| **Sederhana** | **3-4 markah** | • Kesinambungan ayat *kurang* baik<br>• Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu<br>• Penggunaan kosa kata *kurang* luas dan tepat<br>• Pengolahan *kurang* menarik dan berkesan |
| **Lemah** | **1-2 markah** | • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami |



Diimbas dengan CamScanner

**Nota:**

(i) Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
(ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
(iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik* markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
(iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 perkataan, beri 0 markah bahasa.
(v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[Maksimum:10 markah]**

**Pendahuluan [2 markah]**

| | | |
|---|---|---|
| P1 | Rumusan membincangkan kepentingan/ kebaikan/faedah/ manfaat perpaduan dan cara-cara/ langkah-langkah/ usaha-usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat | 2 |
| P2 | Rumusan membincangkan kepentingan/ kebaikan/ faedah/ manfaat perpaduan dalam kalangan masyarakat | 1 |
| P3 | Rumusan membincangkan cara-cara/ langkah-langkah/ usaha-usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat | 1 |

**Isi [16 markah]**

**BAHAN 1**

**Fokus 1 – Kepentingan/ kebaikan/ faedah/ manfaat**

| | | |
|---|---|---|
| A1 | membentuk sebuah negara maju yang aman tanpa konflik | 2 |
| A2 | meningkatkan ekonomi di sesebuah negara | 2 |
| A3 | perpaduan mampu meningkatkan imej negara | 2 |
| A4 | dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni | 2 |
| A5 | dapat menarik kedatangan pelancong asing | 2 |
| A6 | mampu menjamin keselamatan negara | 2 |
| A7 | mampu menyatukan pemikiran dan hati masyarakat dalam sesebuah negara | 2 |

**Fokus 2 – Cara/ langkah/ usaha**

| | | |
|---|---|---|
| B1 | pemilihan pemimpin yang berwibawa | 2 |
| B2 | masyarakat juga boleh memperkasakan aktiviti sukan dan rekreasi dalam komuniti | 2 |
| B3 | kerajaan perlu membendung diskriminasi antara kaum dalam peluang pendidikan, pekerjaan dan ekonomi. | 2 |



Diimbas dengan CamScanner

**BAHAN 2**

**Fokus 2 – Cara / langkah/ usaha**

| | | |
|---|---|---|
| C1 | Menganjurkan aktiviti kemasyarakatan | 2 |
| C2 | Menayangkan filem, drama dan dokumentari berunsur perpaduan | 2 |

**BAHAN 3**

**Fokus 2 – Cara / langkah/ usaha**

| | | |
|---|---|---|
| D1 | Rakyat Malaysia seharusnya menghindari sebarang tindakan yang mencetuskan provokasi kaum. | 2 |

**Kesimpulan [2 markah]**

| | | |
|---|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, perpaduan hendaklah diperkukuh/ ditingkatkan/ diperteguh/ diperutuh/ diperampuh agar keamanan/ kestabilan/ kedaulatan/ kedamaian/ ketenteraman negara terjamin/ terpelihara. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, perpaduan hendaklah diperkukuh/ ditingkatkan/ diperteguh/ diperutuh/ diperampuh | 1 |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



Diimbas dengan CamScanner